

MB arah sekolah di Kuantan tutup

Sinar 24/6/13 MS 5.

ASWANY OMAR

KUANTAN - Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob semalam mengarahkan semua sekolah di daerah Kuantan ditutup mulai hari ini berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencapai paras tidak sihat.

Adnan berkata, pengumuman penutupan kira-kira 120 sekolah rendah dan menengah itu dilakukan selepas mengambil kira semua faktor terutama masalah kesihatan yang mengancam pelajar.

"Keadaan hari ini memang teruk, boleh membahayakan diri. Jangan keluar rumah kerana keadaan ini membahayakan golongan tertentu termasuk pelajar sekolah, kanak-kanak, anak kecil dan mereka yang berisiko," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada Majlis Perasmian Sultan Ahmad Shah Convention Centre, The Zenith



Kakitangan hotel Zenith, Lau Mei Qi melihat keadaan jerebu dari tingkat 21 hotel itu, semalam.

Hotel dan Menara Zenith, Putra Square Kuantan, semalam.

Beliau berkata, secara peribadi, keadaan jerebu yang berlaku di Pahang membimbangkan dan mahu semua sekolah di Kuantan ditutup dan

tidak menjalankan sebarang aktiviti.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pelajaran, Rusdi Ismail mengingatkan sekolah yang masih dibuka supaya menghentikan semua aktiviti luar dan mengikut garis panduan yang ditetapkan



Jalan raya di sekitar Kuantan dilihat lengang berikutan orang ramai mula mengurangkan aktiviti luar akibat jerebu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Sekiranya keadaan jerebu semakin tinggi, pelajar perlu memakai penutup muka dalam pergerakan mereka pergi dan balik sekolah," katanya.

Sehingga jam 11 pagi, IPU

paling tinggi ialah di Balok Baru iaitu 149 dan meningkat dari jam 7 pagi iaitu 135.

Selepas enam hari jerebu, IPU meningkat dan tinjauan di kawasan terbabit mendapati ada penduduk sakit tekak dan perit akibat habuk.